

PANDEMIK BUKAN PENGHALANG PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam dan Vice-Minister for Land, Infrastructure and Hokkaido Development, Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism of Japan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, pada The 3rd ASEAN-Japan Smart Cities Network High Level Meeting berlangsung secara dalam talian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Oktober. - The 3rd ASEAN-Japan Smart Cities Network High Level Meeting berlangsung secara dalam talian, pada 18 dan 19 Oktober 2021, di Aichi, Jepun.

Hadir dan mempengerusikan bersama bagi mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Mesyuarat dua hari ini adalah sebahagian daripada International Conference on Sustainable, Resilient Cities and Transport, di mana 3rd ASEAN-Japan Smart Cities Network High Level Meeting adalah dihoskan oleh Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun.

Mesyuarat dibuka secara rasmi dengan ucapan alu-aluan daripada

kedua-dua Pengerusi Bersama, iaitu Vice-Minister for Land, Infrastructure and Hokkaido Development, Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism of Japan, Tuan Yang Terutama Ishida Masaru; dan Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi ASEAN Smart Cities Network (ASCN), pada tahun ini.

Dalam ucapannya, Setiausaha Tetap MTIC menyampaikan penghargaan kepada kerajaan Jepun atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada ASEAN melalui pengenalan Smart City supported by Japan ASEAN Mutual Partnership (Smart JAMP) juga ASEAN Smart Cities Planning Guidebook, yang pada masa ini masih dalam pengembangan.

Setiausaha Tetap MTIC juga mengongsikan, bahawa kepesatan proses urbanisasi yang dialami oleh seluruh dunia menimbulkan

pelbagai cabaran kepada bandar-bandar dan menyebabkan pembangunan menjadi lebih rumit.

Pada masa yang sama, jelas beliau, penularan wabak COVID-19 juga memberikan beberapa cabaran kepada setiap negara. Walau bagaimanapun pencepatan proses transformasi digital adalah antara tema umum, di pelbagai sektor.

Awang Haji Mohammad Nazri juga menyatakan, bahawa wadah, seperti The 3rd ASEAN-Japan Smart Cities Network High Level Meeting ini adalah sangat penting bagi memberi peluang kepada bandar-bandar ASEAN dan Jepun untuk berkongsi pengalaman juga bertukar pandangan mengenai pambandaran yang pintar dan mampan.

Negara Brunei Darussalam juga turut membentangkan mengenai perkembangan terkini projek-projek di bawah ASCN, iaitu Projek

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Revitalization of Kampong Ayer dan Projek Clean River Management, di mana disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim selaku Setiausaha kepada Jawatankuasa Pandu Smart City. Di samping itu, inisiatif-inisiatif smart city negara yang akan diterokai untuk beberapa tahun akan datang juga turut dikongsikan.

Mesyuarat diakhiri dengan ucapan penutup daripada kedua-dua Pengerusi Bersama, di mana Setiausaha Tetap MTIC dalam ucapannya, mendorong anggota ASCN untuk tidak membiarkan wabak COVID-19 menjadi penghalang pada perkembangan bandar pintar mereka, tetapi menggunakan kesempatan ini, untuk memperkuatkan rancangan tindakan masing-masing melalui pengetahuan dan penyelesaian


yang diperoleh daripada mesyuarat ini.

Dalam masa yang sama, beliau juga menekankan lagi sekali, kepentingan untuk mengukuhkan lagi perkongsian kerjasama di antara ASEAN dan Jepun agar dapat mencapai pembangunan bandar yang pintar juga mampan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat ASEAN.

ASEAN-Japan Smart Cities Network High Level Meeting merupakan Mesyuarat Tahunan bagi membincangkan perkembangan terkini juga berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk menjadikan bandar-bandar ASEAN pintar juga lestari.

Mesyuarat dihadiri oleh anggota ASCN, agensi-agensi kerajaan Jepun dan luar, institusi swasta juga awam dan syarikat-syarikat, di bawah Japanese Association for Smart Cities in ASEAN (JASCA).

Memperkuatkan kefahaman mengenai penilaian SAM



KEMENTERIAN Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengadakan sesi pembarigaraan School Assesed Marks (SAM) secara maya kepada pemimpin-pemimpin sekolah rendah kerajaan dan swasta, di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengadakan sesi pembarigaraan School Assesed Marks (SAM) secara maya kepada pemimpin-pemimpin sekolah rendah kerajaan dan swasta, di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), hari ini.

Sesi tersebut merupakan kesinambungan daripada sesi pertama, yang diadakan, pada Isnin, 11 Oktober 2021 lalu. Sesi hari ini dibahagikan pada dua sesi, iaitu sesi pagi melibatkan pemimpin-pemimpin sekolah rendah kerajaan, sementara sesi petang pula melibatkan pemimpin-pemimpin sekolah rendah swasta dan di bawah kawalan KHEU.

Sesi tersebut bertujuan untuk memperkuatkan kefahaman mengenai penilaian SAM juga memberi peluang kepada pihak sekolah untuk mengutarakan sebarang persoalan berbangkit mengenai penilaian SAM.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Siti Noor Roziah binti Pengiran Haji Matjinen dan turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Kluster dari Jabatan Sekolah-Sekolah semasa sesi pagi, sementara sesi petang pula, turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Pendidikan Swasta, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Pengajian Islam dan Ketua Bahagian Sekolah Arab.

Dalam hubungannya ini, orang ramai terutama ibu bapa yang mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus ke sekolah masing-masing atau menghubungi Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2380630 atau +673 2380776, semasa waktu bekerja atau melalui e-mel, exam.dept@moe.gov.bn atau jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn.

Sirah Rasulullah tingkatan ketakwaan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Oktober. - Seorang Muslim yang berakidah seharusnya meyakini, bahawa kelahiran junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu syiar yang menyinari dan menerangi muka bumi.

Dengan kelahiran Baginda, dunia mengetahui Allah Yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa atas segala-galanya, dunia terselamat daripada hidup dalam kesesatan dan dunia juga dapat menjalani kehidupan dengan aman sejahtera.

Maka memuliakan syiar Allah ini adalah bukti ketakwaan hati kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sebaliknya mereka yang hatinya gelap, mereka tidak akan merasakan apa-apa keuntungan atau nikmat besar yang Allah kurniakan ini.

Oleh itu, Memperingati Hari Keputeraan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan penzahiran rasa syukur kita terhadap nikmat Allah yang tidak ada tolok bandingannya dan sebagai memuliakan syiar Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut, dijelaskan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan tazkirah khasnya, bertajuk 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat', pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah secara maya menerusi aplikasi Zoom.

Beliau, seterusnya menjelaskan, tema sambutan, pada tahun ini setentunya sangat penting dan signifikan untuk direnungi juga

dihayati bersama, lebih-lebih lagi dalam keadaan umat Islam ketika ini berdepan dengan pelbagai cabaran dan ujian berat, termasuk ujian penularan wabak COVID-19, yang melanda dunia ketika ini.

Sudah menjadi kelaziman di Negara Brunei Darussalam dan dalam kalangan umat Islam, di serata dunia, mengisi majlis-majlis Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam setiap tahun, dengan perkongsian penceritaan sirah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengambil ibrah atau pengajaran daripada sirah tersebut, ujar Rektor UNISSA lagi.

Perkongsian dalam bentuk penceritaan sirah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini, jelas beliau lagi, amatlah penting kerana di sebalik penceritaan sirah para anbiya dan para rasul ini, ia terselit hikmah yang boleh mencetuskan keimanan juga ketakwaan seseorang, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Hud, ayat 120, Mafhumnya : "Dan setiap kisah yang kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) daripada kisah rasul-rasul ialah kisah-kisah yang dengannya dapat meneguhkan hatimu. Dan telah datang kepadamu dalam surah ini kebenaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman".

Dalam ayat ini, Rektor UNISSA, seterusnya menerangkan, bahawa ia menegaskan, bahawa kisah para Nabi dan Rasul sebagaimana yang diceritakan dalam Al-Quran adalah antara lain bertujuan untuk memperkuat iman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Jika sejarah para Nabi dan Rasul mampu memperkuat iman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maka bagaimana pula dengan sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang juga pemimpin daripada para Nabi dan Rasul itu sendiri?"

"Sudah tentu impaknya lebih besar, lebih-lebih lagi, di zaman sekarang ini, kita amat memerlukan sesuatu yang mampu menjadikan iman, Islam dan akidah kita jauh lebih kuat juga lebih baik dari hari demi hari," tambah beliau lagi.

Beliau, seterusnya menerangkan, bahawa cinta kepada orang tua melahirkan rasa hormat juga berbakti kepada keduanya, manakala cinta kepada anak dengan cara membelai sepenuh kasih sayang dan memenuhi permintaannya. Maka cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semestinya lebih hebat daripada itu.

Jika cinta kepada kedua orang tua adalah kerana mereka telah melahirkan, mendidik dan membesarkan kita. Cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sewajarnya melebihi cinta kita kepada kedua orang tua kerana Baginda telah menyampaikan petunjuk dan menyelamatkan kita daripada kesesatan, terang beliau lagi.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, dalam sebuah Hadis sahih, riwayat Imam Bukhari dan Muslim, Maksudnya : "Demi Dzat yang jiwaku berada ditangan-Nya, tidak sempurna keimanan seseorang dari kalian sehingga ia mencintai aku melebihi kedua orang tuanya dan anaknya serta manusia lain keseluruhannya".

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memulakan dengan sumpah, "Demi Dzat yang

jiwaku berada ditangan-Nya", menunjukkan apa yang akan disampaikan oleh Baginda adalah suatu yang amat penting.

"Pesanan penting itu adalah tentang syarat kesempurnaan iman pada seseorang, iaitu dengan mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi kasih dan sayang kepada kedua orang tua serta anak-anak," tegas beliau lagi.

Maka, sebagai seorang Muslim,

beliau menjelaskan, kita wajib menanam kecintaan kita sepenuhnya kepada Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi segala-galanya kerana cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ia terselit hikmah yang tersembunyi, iaitu dapat memperkuat iman seseorang juga manifestasi kecintaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.